



PEJABAT PERDANA MENTERI  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5,  
Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia  
No. Tel: 03-8886 6221  
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

---

**JPM.MITRA.100-9/1/1 (21)**

**KENYATAAN MEDIA**  
**PERMOHONAN *MALYSIAN INDIAN TRANSFORMATIVE AGRICULTURE***  
***PROGRAMME (MITAP) 2024/25***  
**DIBUKA MULAI 13 JANUARI 2025**

**PUTRAJAYA, 13 JANUARI 2025** – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) membuka permohonan *Malaysian Indian Transformative Agri Programme (MITAP)* bagi tahun 2024/25. Program ini bertujuan memberikan pengetahuan, kemahiran serta dana untuk membangunkan usahawan tani masyarakat Malaysia India dengan menyediakan ekosistem bagi penglibatan dalam sektor pertanian.

Program ini akan dikendalikan dengan kerjasama MARDI Corporation Sdn. Bhd. dan dilihat sebagai berpotensi melahirkan lebih ramai usahawan tani masyarakat Malaysia India yang kompetitif dan mampu berdaya saing dalam dunia perniagaan yang semakin mencabar.

Permohonan ini akan dibahagikan kepada dua program:

**1. PROGRAM BANTUAN GERAN PEMBANGUNAN PERTANIAN**

Seramai 100 peserta yang memenuhi syarat kelayakan akan menyertai Seminar *Business Model Canvas (BMC)* selama dua (2) hari. Melalui Seminar BMC, seramai 70 peserta akan dikenalpasti bagi menyertai Kursus Teknikal Pertanian selama 5 hari. Geran Pembangunan Pertanian

akan diberikan sehingga RM30,000 bagi tujuan pembangunan pertanian. Kriteria dan pelaksanaan program adalah seperti berikut:

i. Kriteria permohonan:

- Warganegara Malaysia India berumur 18 tahun ke atas;
- terbuka kepada B40 & M40 (keutamaan kepada B40);
- mempunyai Lesen/Permit/Daftar Perniagaan (SSM);
- keutamaan diberikan kepada pemohon yang tidak pernah menerima sebarang bantuan kerajaan;
- mempunyai kawasan/tanah atau tempat yang bersesuaian untuk melaksanakan pertanian.

ii. Pelaksanaan program:

- **100 peserta terpilih** akan menghadiri Seminar ***Business Model Canvas (BMC)*** selama dua (2) hari;
- **70 peserta daripada 100 peserta** yang layak akan menghadiri **Kursus Teknikal Pertanian** yang terdiri daripada enam (6) bidang;
  - Pengeluaran Tanaman Makanan.
  - Pengurusan Ternakan Tenusu (Lembu).
  - Penternakan Lebah Madu.
  - Teknologi Penanaman Cendawan Tiram.
  - Penternakan Ikan Air Tawar.
  - Teknologi Pemprosesan Makanan (Sejuk Beku).
- 70 peserta yang tamat Kursus Teknikal Pertanian akan mendapat **Geran Pembangunan Pertanian** sehingga **RM30,000.00**; dan

- peserta akan dibimbing serta dipantau selama enam (6) bulan oleh pihak MARDICorp.

## **2. PROGRAM USAHAWAN TANI MUDA**

Program ini akan menawarkan latihan pertanian selama 10 bulan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 akan diberikan kepada peserta yang menjalani latihan dengan jayanya. Selain itu, peserta akan diberikan tanah sewaan seluas 1 ekar bagi tempoh selama 6 bulan di Negeri Selangor dan Johor untuk diusahakan dalam bidang pertanian pengeluaran makanan. Kriteria dan pelaksanaan program adalah seperti berikut:

i. Kriteria permohonan:

- Warganegara Malaysia India berumur 18 tahun hingga 40 tahun;
- terbuka kepada B40 & M40 (keutamaan kepada B40); dan
- berminat mengusahakan sektor pertanian.

ii. Pelaksanaan program:

- **30 peserta** terpilih akan diberikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 selepas tamat pengajian;
- tanah sewaan seluas satu (1) ekar akan disewa kepada peserta bagi tempoh enam (6) bulan untuk mengusahakan sektor pertanian selepas tamat program; dan
- peserta akan dibimbing serta dipantau selama enam (6) bulan oleh pihak MARDICorp.

Permohonan *Malaysian Indian Transformative Agri Programme* (MITAP) Tahun 2024/2025 boleh dibuat melalui *Google Form* di pautan <https://forms.gle/AnVaaSvc2qPjQjCGA> bagi Program Bantuan Geran Pembangunan Pertanian dan <https://forms.gle/Hbina9VwsSLQ2hAb9> bagi Program Usahawan Tani Muda. Permohonan ini akan dibuka pada 13 Januari 2025 hingga 13 Februari 2025.

Permohonan hendaklah dikemukakan melalui *Google Form* selewat-lewatnya mengikut ketetapan tempoh masa seperti di atas. Seramai 100 calon yang memenuhi syarat kelayakan akan dimaklumkan untuk menyertai Program Bantuan Geran Pembangunan Pertanian dan 30 calon pula akan menyertai Program Usahawan Tani Muda.

Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan *Malaysian Indian Transformative Agri Programme* (MITAP) Tahun 2024/25 boleh menghubungi MITRA di talian 03-8886 6013 atau MARDICorp di talian 019-3497005/03-8948 4699 bermula jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari bekerja atau e-mel kepada [sek@mitra.gov.my](mailto:sek@mitra.gov.my).

**-TAMAT-**

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA  
PEJABAT PERDANA MENTERI  
13 JANUARI 2025**